

**UCAPAN Y.A.B. TIMBALAN PERDANA MENTERI  
DI UPACARA PEMBUKAAN PAMERAN REKOD-REKOD  
PERSENDIRIAN TUN TAN CHENG LOCK,  
DI ARKIB NEGARA MALAYSIA, PETALING JAYA  
PADA 30 NOVEMBER 1967**

---

Saya yakin, menurut bukti-bukti sejarah negeri kita ini, iaitu suatu teras yang telah menjadikan Malaysia sebuah negara yang berbilang kaum duduk dengan aman damai dan makmur telah bermula tumbuh dan berkembang pada masa Kerajaan Melayu Melaka lagi iaitu dalam kurun 15 dan 16. Pada masa itu telah ada berkumpul di Melaka pedagang-pedagang dari sebelah Barat sejauh negeri-negeri Arab dan Parsi dan dari sebelah Timur sejauh negeri China. Maka mungkin tiadalah hairan kita jika seorang warganegara yang telah banyak memberikan tumpuan dan perkhidmatannya untuk kepentingan persefahaman dan persatuan antara kaum yang kita hormati pada pagi ini berasal dari Melaka.

Mendiang Tun Tan Cheng Lock sebenarnya dilahirkan di dalam suatu keluarga hartawan yang terkenal di Melaka dan memang beliau boleh duduk dengan senang-lenang dan tenteram seumur hidupnya. Tetapi beliau telah sanggup membaktikan diri untuk perkhidmatan awam. Hasratnya yang mulia ini telah didukung pula oleh ketekunannya, bijak pandainya dan usahanya yang tidak putus-putus hingga akhirnya apabila beliau meninggal dunia, beliau telah berjaya menempah tempat di dalam sejarah negeri ini sebagai salah seorang penganjur kebangsaan yang terbesar sekali dengan mempunyai rekod perkhidmatan awam yang sungguh gilang gemilang.

Perkhidmatan Tun Tan Cheng Lock kepada negara telah bermula di Melaka pada masa beliau masih muda lagi, dan di dalam tahun 1912, pada masa beliau berumur hanya 29 tahun, beliau telah dilantik menjadi seorang J.P. dan seorang ahli Suruhanjaya Perbandaran Melaka. Selepas ini beliau telah tidak pandang ke belakang lagi, tetapi terus berkhidmat dalam banyak pertubuhan-pertubuhan Kerajaan dan sukarela hingga beliau dilantik menjadi ahli tidak rasmi Majlis Undangan Negeri-negeri Selat. Beliau telah dilantik selama empat penggal berturut-turut daripada tahun 1923 hingga tahun 1934, dan daripada tahun 1933 hingga tahun 1935 pula beliau ialah seorang Asia yang pertama dilantik menjadi ahli tidak rasmi Majlis Kerja Negeri-negeri Selat.

Dengan lantikan-lantikan ini Tun Tan telah menjadi bukan sahaja seorang penganjur Melaka bahkan seorang penganjur Negeri-negeri Selat. Bahawa beliau memainkan peranan baharunya ini dengan giat dan penuh semangat jelas didapati dari bukti ucapan-ucapannya pada masa itu. Di antara perkara-perkara yang dipeloporinya termasuklah undang-undang kahwin satu, bilangan terbanyak ahli-ahli tidak rasmi di Majlis Undangan Negeri-negeri Selat itu dan pilihanraya. Beliau bukan sahaja seorang pidato yang handal tetapi dapat mengeluarkan buah-buah fikiran yang bernas.

Dengan latar belakang dan pengalaman yang sedemikian ini selepas perang dunia kedua beliau telah meningkat sebagai seorang penganjur kebangsaan. Beliau telah mengambil peranan yang penting untuk merapatkan hubungan di antara kaum di negeri ini dan bersama meminta kemerdekaan daripada kerajaan British. Untuk menjayakan tujuan ini beliau telah bekerja keras mendapatkan sokongan kaumnya sendiri dan mencadangkan supaya suatu persatuan ditubuhkan. Katanya di dalam tahun 1948:

*“My own idea is to wean the China born Chinese from China and Chinese politics and encourage them to transfer their love, for the good of all concerned including themselves, to Malaya, which should aim at attaining full dominion status within the British Commonwealth .....*”

Katanya lagi di dalam tahun 1948 itu juga, dalam satu perjumpaan Malacca Chinese Chamber of Commerce:

*“The specific problem in Malaya is how to integrate several races living in it into a single political community, while maintaining their separate cultural and intellectual independence and individuality”.*

Daripada kata-katanya seperti ini kita boleh nampak dengan jelas sekali sekarang betapa jauh ke hadapan pemandangan Tun Tan Cheng Lock pada masa itu.

Kemajuan politik dan perlembagaan negeri telah bersabit pula dengan keganasan komunis yang bermaksud hendak merampas kuasa dengan kekerasan. Kerajaan telah terpaksa mengisytiharkan Pemerintahan Darurat. Oleh kerana banyak daripada ahli-ahli Komunis itu dan penyokong-penyokongnya adalah dari kaum Cina, Tun Tan telah bersungguh-sungguh, melawat seluruh tanahair, menarik sokongan kaumnya kepada kerajaan hingga di dalam satu perjumpaan di Ipoh dalam bulan April 1949 beliau telah tercedera oleh lemparan bom pengganas-pengganas kepadanya. Perbuatan ini hanya menguatkan lagi keazamannya menentang kekerasan komunis. Di dalam tahun 1949 ini juga MCA telah ditubuhkan untuk menyatukan kaum Cina dan beliaulah penganjur yang telah dilantik menjadi Yang Dipertua yang pertama.

Satu kejayaan yang tentu sekali telah merupakan satu hasil yang besar kepada cita-citanya ialah apabila MCA bekerjasama dengan UMNO dalam tahun 1952 yang telah menghasilkan penubuhan Parti Perikatan yang kemudiannya dimasuki pula oleh MIC. Seolah-olah beliau telah sampai ke satu penghujung jalan yang ditumpukannya, beliau mula mengambil peranan sebagai seorang Warganegarawan Tua (*Elder Statesman*) dan menggalakkan ke hadapan orang-orang yang lebih muda. Beliau telah tidak bertanding di dalam pilihanraya yang pertama di dalam tahun 1955 dan beliau telah menyerahkan teraju pimpinan MCA kepada seorang yang lebih muda dalam tahun 1957 selepas memegangnya selama lapan tahun. Walau bagaimanapun pandangan dan nasihat beliau di atas apa perkara sahaja sentiasa diberi penuh perhatian dan dihargai. Beliau meninggal dunia pada 14hb. Disember 1960 berusia 77 tahun dan, saya percaya, dengan penuh puas hati melihat cita-citanya supaya negerinya ini mencapai kemerdekaan dan rakyatnya yang berbilang kaum bekerjasama menikmati faedah dan keuntungan dengan aman damai dan makmur telah pun berjaya.

Pada hari ini sebagai memperingatkan riwayat hidupnya dan jasanya sebagai seorang pahlawan tanahair yang tidak akan dilupai, Arkib Negara Malaysia mengadakan satu pameran rekod-rekod persendirian Mendiang Tun Tan Cheng Lock itu yang telah dikumpulkan dan diserahkan oleh keluarganya untuk menjadi milik negara.

Pameran ini tentulah satu pameran yang paling luar biasa pernah saya bukakan. Pendita-pendita pernah berkata sesuatu negara yang tidak dapat memandang ke sejarahnya dengan megah itu tidak mungkin dapat melihat ke hadapan dengan penuh keyakinan. Tambahan lagi di negara kita yang berbilang kaum ini semangat membanggakan negara (*national pride*) adalah amat mustahak untuk mendapatkan taat setia kepada raja, negara dan bangsa. Oleh itu jasa dan teladan penganjur-penganjur yang terdahulu daripada kita, seperti Tun Tan Cheng Lock, adalah amat penting kepada kita semua.

Arkib Negara saya tahu sangat giat mengumpulkan dan memelihara buat selama-lamanya rekod-rekod persendirian warganegara yang telah mengambil peranan di dalam sejarah dan kemajuan negeri kita ini untuk kajian dan selidikan di belakang hari kelak, dan saya berharap benar supaya ia mendapat sokongan dan kerjasama orang ramai bagi kepentingan negara kita.

Satu teladan telah kita dapat hari ini daripada keluarga mendiang Tun Tan Cheng Lock, yang diwakili oleh anakandanya Y.B. Tun Tan Siew Sin yang dapat hadir bersama kita. Sukacitalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada beliau serta keluarga yang telah bermurah hati menyerahkan surat-surat dan sebagainya kepunyaan mendiang ayahandanya itu kepada negara untuk disimpan dan dipelihara di Arkib Negara ini.

Dengan ini dengan segala sukacitanya saya mengistiharkan pembukaan Pameran Rekod-rekod Persendirian Mendiang Tun Tan Cheng Lock. Terima kasih.